

Hargai jasa anggota skuad SPRUMS

► Malam Apresiasi Untukmu SPR 'A Day to Remember'

UB 24.5.2018 B2



PEGAWAI daripada SPRM merasmikan Majlis Malam Apresiasi Untukmu SPR.

Objektif utama program ini dijalankan adalah bagi membantu meningkatkan sahsiah dan disiplin ahli sekretariat dari segi intelek, kepimpinan dan semangat berorganisasi.

Seterusnya, memberikan impak positif dalam aspek pemikiran pelajar yang tidak terbatas dalam mencapai sesuatu penyelesaian yang utuh melibatkan isu rasuah dan membentuk keperibadian yang baik dalam kalangan generasi akan datang.

Ketua Cawangan Bahagian Pendidikan dan Masyarakat SPRM Negeri Sabah Aini Awang Muda berkata

program ini sangat berbaloi demi menghargai jasa-jasa ahli SPRUMS yang banyak berbakti kepada kelab ini disamping menyahut seruan SPRM yang sentiasa mengajak masyarakat untuk bersama perangi rasuah.

“Program ini sangat berbaloi demi menghargai jasa-jasa ahli SPRUMS yang banyak berbakti kepada kelab ini disamping menyahut seruan SPRM yang sentiasa mengajak masyarakat untuk bersama perangi rasuah.”

AINI AWANG MUDA

Ketua Cawangan Bahagian Pendidikan dan Masyarakat SPRM Negeri Sabah

Dengan penganjuran program ini, SPR UMS berharap agar dapat menganjurkan lagi program-program seperti ini pada masa akan datang dan melibatkan lebih ramai ahli SPRUMS disamping menyedari



MAJLIS penyampaian penghargaan kepada Alumni - SPRUMS.



SESI bergambar barisan anggota, alumni dan tetamu kehormat.

kepentingan pencegahan rasuah dan bahayanya rasuah dalam kehidupan serta bersama-sama membanteras

rasuah dan menjadi pelajar dan mahasiswa yang berintegriti. Selaras dengan tema program ini iaitu 'A Day

to Remember' mampu memberikan kenangan yang manis dan bermanfaat kepada semua hadirin yang terlibat.